



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YBHG. DATO' INDERA NORIDAH BINTI ABDUL RAHIM  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**FESTIVAL SASTERA KANAK-KANAK 2023**

**23 OGOS 2023 (RABU)  
ARAS 10, MENARA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلٰى ءاَلِه وَصَاحْبِه أَجْمَعِينَ.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat sejahtera, salam perpaduan, dan salam Malaysia MADANI.

Terima kasih saudara/ saudari pengacara majlis.

## SALUTASI

*\*Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

## **MUKADIMAH**

1. Pertamanya, sama-sama kita panjatkan kesyukuran kepada Allah Subhanahuwata'ala kerana diberi peluang untuk kita berkumpul dalam Program Festival Sastera Kanak-Kanak 2023, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada hari ini.
  2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada PNM atas penganjuran Festival Sastera Kanak-Kanak 2023 dan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua agensi dan

persatuan serta orang perseorangan yang terlibat menjayakan program yang dianjurkan selama dua (2) hari bermula pada 23 dan 24 Ogos 2023.

## **PROGRAM-PROGRAM KEMBARA PERPADUAN**

YBhg. Datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Perpustakaan Negara Malaysia sangat komited untuk menganjurkan Festival Sastera Kanak-kanak dengan mengangkat tema **“Cerita Kita, Warisan Kita”** pada tahun ini.
4. KPN melihat penganjuran Festival Sastera kanak-kanak ini sebagai salah satu elemen penting untuk menyokong kerangka Kembara Perpaduan Malaysia MADANI di bawah teras Ekosistem Perpaduan iaitu Komuniti Rahmah.
5. Justeru, program Festival Sastera Kanak-kanak ini sangat relevan kerana objektif penganjuran dan penglibatan golongan sasar adalah berfokus untuk membina komuniti yang mampan dan rahmah ke arah pembelajaran sepanjang hayat dan menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan serta integrasi nasional.
6. Apa yang lebih penting lagi, penganjuran program ini begitu bermakna khususnya bagi kanak-kanak dan remaja kerana ia sangat signifikan dengan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian melalui **Eksplorasi Rukun Negara, Tuisyen KAMI** dan program **Ini Warisan Kita** bagi membentuk pembangunan jati

diri, perpaduan, semangat patriotisme dari peringkat awal kanak-kanak dan remaja. Ini kerana mereka merupakan warisan pelapis kepimpinan negara bangsa pada masa depan.

7. Saya sangat berbangga kerana setiap pemerkasaan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian sering mendapat sokongan daripada setiap agensi. Sebagai contoh PNM menggerakkan inisiatif tersebut melalui sumbangan 500 buah buku untuk program Tuisyen KAMI dalam usaha meningkatkan budaya membaca dan melahirkan Komuniti Rahmah yang berpengetahuan tinggi dan berdaya maju. Selain itu, PNM turut menyumbangkan buku kepada komuniti luar bandar melalui Perpustakaan Desa.
8. Saya juga sedia maklum bahawa Perpustakaan Desa menyediakan tempat latihan kepada golongan muda dan masyarakat setempat yang berminat menceburi bidang keusahawanan yang lebih kondusif dan selesa. Ia bertujuan untuk melahirkan usahawan muda dan membantu mereka menggunakan platform media sosial untuk mempromosikan produk-produk keluaran mereka.
9. Saya berterima kasih kepada PNM kerana turut menyediakan ruang pembelajaran sepanjang hayat kepada komuniti melalui pelbagai pendekatan dengan menawarkan perkhidmatan perpustakaan terbaik dan mencapai standard yang ditetapkan. Saya berharap ia dapat digunakan secara optimum bagi membantu mengubah sosiobudaya dan ekonomi komuniti setempat tanpa mengira latar belakang suku kaum dalam memastikan semangat perpaduan di kalangan masyarakat dapat dilestarikan.

## **PROGRAM FSK MEMBENTUK SEMANGAT PERPADUAN**

YBhg. Datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

10. Saya amat menghargai dan menyokong penuh usaha PNM menganjurkan Festival Sastera Kanak-kanak kerana program yang dilaksanakan ini amat selari dengan aspirasi Kementerian untuk memupuk semangat perpaduan dan memperkasa rakyat melalui pengisian aktiviti didik hibur dan pembelajaran sepanjang hayat kepada golongan kanak-kanak dan remaja.
11. Tema ‘Cerita Kita, Warisan Kita’ yang dipilih ini amat bertepatan dengan program ‘Ini Warisan Kita’ kerana elemen pengisian aktiviti FSK ini turut menyuntik perkongsian cerita warisan kebangsaan yang mampu membakar semula semangat perpaduan dan toleransi dalam kalangan masyarakat majmuk khususnya kanak-kanak dan remaja.
12. Bicara Sastera yang akan kita saksikan sebentar lagi oleh panel yang mempunyai bidang kepakaran kesusteraan kanak-kanak ini, pastinya memberi input yang bermanfaat untuk kita sama-sama memikul tanggungjawab sosial ini, agar kita mampu membentuk masa depan kanak-kanak yang lebih gemilang pada masa depan.
13. Saya yakin dan percaya dengan penglibatan secara langsung dari kalangan para guru tabika dan tadika serta mahasiswa yang mengambil pengajian dalam pendidikan awal kanak-kanak pada hari ini, memberi satu gambaran yang jelas bahawa kerajaan memandang serius kesinambungan pendidikan yang inklusif dan

berterusan untuk pembangunan komuniti rahmah yang akhirnya mampu merapatkan jurang ekonomi dan sosial melalui pendidikan yang berkualiti.

14. Justeru, saya berharap agar semua yang hadir pada hari ini, dapat mengambil peluang untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman, penghayatan serta kemahiran melalui aktiviti yang telah dirangka sepanjang sambutan Festival Sastera Kanak-kanak 2023 di PNM dan seterusnya mengukuhkan semangat perpaduan negara Malaysia Madani yang tercinta ini.

## **PENUTUP**

YBhg. Datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

15. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ketua Pengarah dan seluruh warga kerja Perpustakaan Negara Malaysia serta semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Festival Sastera Kanak-kanak pada hari ini.
16. Penganjuran Festival Sastera Kanak-kanak ini diharapkan akan memberi manfaat yang besar kepada para cendekiawan, karyawan, seniman, budayawan termasuklah pemain industri perbukuan kanak-kanak agar martabat dan masa depan sastera kanak-kanak di Malaysia terus berkembang luas serta mampu menjadi hab Kesusteraan Kanak-kanak di rantau Asia Tenggara.

17. Sebagai penutup ucapan, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun.

*Deru Ombak, Pantai Sematan,  
Indah Sekali, Pantai Puteri,  
Festival Sastera Kanak-Kanak, Platform Perpaduan,  
Membentuk Komuniti, Rahmah Bestari.*

18. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya merasmikan **Festival Sastera Kanak-Kanak 2023**.
19. Saya sudahi dengan wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima Kasih.